

# Anwar isytihar aset RM10.74j

BH-8/3/2019 ml: 14

➔ Presiden  
PKR hantar  
perisytiharan  
harta kepada  
SPRM

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdula-  
ziz@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**P**residen PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengisytiharkan nilai keseluruhan aset miliknya sebanyak RM10.74 juta.

Ahli Parlimen Port Dickson itu sudah menghantar perisytiharan harta berkenaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagaimana yang diminta kerajaan untuk semua anggota Kabinet dan Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH).

Perisytiharan itu termasuk anggaran nilai semasa rumah milik beliau di Bukit Segambut sebanyak RM9.5 juta yang pada mulanya dibeli pada harga RM4.5 juta hasil daripada jualan rumah di Bukit Damansara pada 2005.

"Turut diisytiharkan adalah sebidang tanah di Permatang Habib, Mukim Penor, Kuantan, Pahang yang dibeli pada tahun 1974 dengan harga RM7,000. Nilai anggaran tanah itu kini ialah RM420,000.

"Harta selebihnya adalah daripada akaun pelaburan dan wang simpanan yang berjumlah RM828,658.83.

"Justeru dengan ini dimuktamadkan bahawa jumlah harta milik Anwar adalah bernilai RM10,748,658.83," kata Setiausaha Sulit beliau, Shukri Saad, dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini mewajibkan, semua anggota Kabinet dan Ahli Parlimen termasuk isteri dan anak mereka untuk membuat perisy-



Anwar Ibrahim

tiharan harta selepas memben-  
tuk kerajaan, tahun lalu.

Dokumen perisytiharan harta itu perlu diserahkan kepada SPRM untuk dipaparkan dalam sebuah portal khas, MyDeclaration yang diwujudkan untuk tatapan umum.

## 8 Ahli Parlimen belum isytihar

Sementara itu, tinjauan BH pada portal berkenaan mendapati, nama dan nilai aset milik Anwar masih belum tersenarai dan ia berkemungkinan masih belum dikemas kini oleh SPRM.

Semakan di portal itu juga

mendapati seramai lapan Ahli Parlimen masih tidak membuat perisytiharan harta manakala 10 anggota pentadbiran dipercayai Setiausaha Politik juga masih tidak berbuat demikian.

Menduduki senarai teratas yang mempunyai nilai aset tertinggi adalah Ahli Parlimen Segamat, Datuk Dr R Santhara Kumar (RM132.1 juta), diikuti Ahli Parlimen Beraus, Datuk Ngeh Koo Ham (RM77 juta); Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (RM32.3 juta); Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir (RM25.1 juta) dan Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof (RM23 juta).

Senarai teratas bagi pendapatan bulanan tertinggi pula didahului oleh Mukhriz (RM105,641.76); Ahli Parlimen Teluk Intan, Nga Kor Ming (RM101,160); Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (RM91,150); Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (RM86,464.92) dan dan Menteri Kerja Raya, Baru Bian (RM83,736.48).